

Zakat^{info}



زكاة قريهاتين
Zakat Prihatin



4 ZPP
Bersama
Lawatan
KPPA



5 Biasiswa
IPT Dalam
Negara



10 Zakat Penang
Juara Berkat Cup
2016



Majlis
Pembayaran

**Saguhati
Jawatankuasa Kariah,
Negeri Pulau Pinang 2016**



Zakat Pulau Pinang di bawah Program Ekonomi menggunakan sumber tanah wakaf MAINPP yang ada untuk dimajukan dengan mewujudkan projek ternakan kambing & ayam kampung. Projek ternakan kambing telah lama diusahakan & projek ternakan ayam kampung baru diusahakan bermula bulan November 2016.

Sebanyak 1,470 ekor ayam kampung telah dilepaskan dalam pusingan pertama ini & pertambahan anak ayam akan dibuat setiap tiga minggu sekali.

Jangkaan ternakan pusingan pertama akan dapat dijual sebelum Januari 2017 & Zakat Pulau Pinang akan turut melakukan proses penyembelihan & lain-lain proses secara sendiri sehingga sampai ke pengguna akhir.

Projek Ternakan Kambing & Ayam Kampung

Permatang Saga, Pinang Tunggal



Asnaf Di Permatang Saga

Team Peduli Asnaf Zakat telah ke Permatang Saga, Pinang Tunggal. Dalam kunjungan ini, Safri Md Yatim berusia 56 tahun, telah diziarahi pegawai penyelaras Kadun dan JKKK. Beliau mengalami masalah kesihatan yang kurang baik serta tidak memiliki sebarang dokumen pengenalan diri. Perkara ini bukanlah sesuatu yang boleh diselesaikan oleh ZPP secara bersendirian melainkan dengan kerjasama semua pihak dan agensi berkaitan. Insha Allah bantuan yang sesuai dari wang zakat akan akan diaturnya buat asnaf ini. Moga Allah membantu serta mempermudahkan semua pihak. Muafakat demi asnaf.

Saguhati Guru Agama & Quran 2016

Seramai 2,798 orang guru-guru agama dan guru Al-Quran negeri Pulau Pinang menerima sumbangan saguhati dari peruntukan wang zakat yang ditunaikan di Zakat Pulau Pinang. Majlis yang berlangsung di Dewan Millenium, Kepala Batas itu telah disempurnakan oleh Timbalan YDP Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, YBhg Dato Haji Abdul Halim Hussain, jumlah agihan sebanyak RM1,678,800.00. Majlis ini diadakan saban tahun bagi memberi motivasi serta menghargai usaha serta penat lelah guru-guru agama dan guru Al-Quran seluruh Pulau Pinang.



YBhg Dato Haji Abdul Halim Hussain
Timbalan YDP Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang
Disempurnakan oleh Dato Haji Abdul Halim Hussain
Timbalan YDP Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang
Disempurnakan oleh Dato Haji Abdul Halim Hussain
Timbalan YDP Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang



3



Pembayaran Saguhati Jawatankuasa Kariah 2016

Seramai lebih kurang 807 orang Ahli Jawatankuasa Kariah dari 203 buah masjid seluruh negeri Pulau Pinang diraikan di Dewan Millenium, Kepala Batas. Dalam majlis tersebut, sumbangan saguhati dari peruntukan wang zakat yang ditunaikan di Zakat Pulau Pinang telah diserahkan oleh YDP Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, YB Dato Haji Mohd

Salleh Man. Keseluruhan nilai sumbangan saguhati berjumlah RM402,800.00. Majlis sebegini juga diadakan setiap tahun bagi menghargai pengorbanan serta usaha Ahli Jawatankuasa Kariah yang bertungkus lumus mengambil perhatian dan mengenalpasti golongan asnaf di dalam kariah masing-masing bagi menerima bantuan sewajarnya dari ZPP.





Konvoi Kembara Zakat 2016

Konvoi Kembara Zakat pada tahun ini telah memilih Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) sebagai tuan rumah. Program telah berlangsung selama tiga hari bermula 14 hingga 16 Oktober 2016 lalu. Alhamdulillah, Zakat Pulau Pinang seperti tahun-tahun lalu tidak ketinggalan untuk turut serta.

Program ini merupakan acara tahunan anjuran Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR). Peserta konvoi terdiri dari JAWHAR serta institusi-institusi zakat seluruh negeri. Sesi taklimat dan majlis perasmian telah berlangsung di TH Hotel & Convention Centre, Alor Setar Kedah. Antara tujuan program sebegini adalah untuk turut menyantuni

serta menyalurkan dana zakat kepada golongan asnaf zakat di negeri terlibat.

Terima kasih kepada tuan rumah, Lembaga Zakat Negeri Kedah serta Agensi Mengurus Zakat dari setiap negeri dan kepada pembayar-pembayar zakat di seluruh negara.

4



ZPP Bersama Lawatan KPPA

Zakat Pulau Pinang turut serta dalam rombongan lawatan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohamad Zabidi Zainal. 2 buah rumah telah dilawati dalam rombongan ini iaitu yang pertama di Permatang Tok Gelam sementara sebuah rumah lagi di Permatang

Sintok. Turut sama dalam lawatan ini adalah YB Dato' Seri Farizan Darus, Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, ICU, MPSP dan beberapa lagi agensi kerajaan turut serta. Sumbangan hamper dan wang tunai turut disampaikan semasa sesi lawatan berkenaan.

Program Santuni Asnaf Bersama Masyarakat

Program Santuni Asnaf Bersama Masyarakat anjuran ZPP & Bank Pembangunan Malaysia Bhd dengan kerjasama Qaryah Masjid Maqbul, Telok Kumbar. Seramai 120 orang asnaf menerima bantuan masing-masing dan dalam program ini. Sebanyak 7 buah surau akan menerima bantuan dari sumber zakat dengan nilai agihan zakat pada pagi ini berjumlah RM141,000.00. Program disempurnakan oleh Timbalan YDP MAINPP, Dato' Haji Abdul Halim bin Hussain. Terima kasih pembayar zakat.



5

Permatang Pauh



Majlis penyerahan bantuan dari sumber zakat telah diadakan di Ibu Pejabat ZPP, Bandar Perda bagi menyerahkan cek bantuan zakat kepada 16 orang pelajar majlis Agama Islam Pulau Pinang (JAIPP) yang terdiri daripada pelajar IPT dalam negara dan luar negara. Jumlah

besar bagi agihan biasiswa berkenaan berjumlah RM98,500.00. Cek telah disampaikan oleh CEO ZPP, Dato' Haji Azman Bin Abd Samat. Alhamdulillah, terima kasih pembayar zakat kerana memilih untuk berzakat di ZPP.

Bantuan IPT Dalam Negara



Pinang

nasib anak kariah

Di golongan miskin, asnaf

Pinang, 15 Okt 2016 - Seorang ibu tunggal di Pinang, terpaksa menyerahkan anaknya kepada ZAKAT Penang kerana tidak mampu membiayai pendidikan anaknya. Anak itu kini berada di bawah jagaan ZAKAT Penang.

Seorang ibu tunggal di Pinang, terpaksa menyerahkan anaknya kepada ZAKAT Penang kerana tidak mampu membiayai pendidikan anaknya. Anak itu kini berada di bawah jagaan ZAKAT Penang.

tama tanpa suami

Upa insan tersayang

Pinang, 15 Okt 2016 - Seorang ibu tunggal di Pinang, terpaksa menyerahkan anaknya kepada ZAKAT Penang kerana tidak mampu membiayai pendidikan anaknya. Anak itu kini berada di bawah jagaan ZAKAT Penang.

Seorang ibu tunggal di Pinang, terpaksa menyerahkan anaknya kepada ZAKAT Penang kerana tidak mampu membiayai pendidikan anaknya. Anak itu kini berada di bawah jagaan ZAKAT Penang.

18 **Semasa**

1 - 15 Oktober 2016 **Mutiaras**

Perasmian & Tandatangan Perjanjian Antara ZPP dan Usahawan Asnaf

DAUD, WAHID KAMILI
Ketua Bahagian Pengurusan Persekitaran Kualiti Asnaf & Ekonomi ZPP

SEBERANG AJIA - Bersempaan Majlis Perasmian Dan Tandatangan Perjanjian Antara Zakat Pulau Pinang Dan Usahawan Asnaf telah diadakan. Majlis telah dianjurkan oleh Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, Dato' Hajj Mohd Ismail bin Yusoff dan turut hadir sama ialah Setiausaha Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, Dato' Haji Mohd Husein bin Yusoff.

Perasmian telah diadakan di Dewan Serbaguna Kompleks Muzium Pulau Pinang. Dato' Hajj Mohd Ismail bin Yusoff telah menyampaikan ucapan selamat datang kepada semua tetamu yang hadir. Beliau juga telah menyerahkan sijil penghargaan kepada Dato' Haji Mohd Husein bin Yusoff sebagai Setiausaha Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.

Setelah itu, Dato' Hajj Mohd Ismail bin Yusoff telah menyerahkan sijil penghargaan kepada Dato' Haji Mohd Husein bin Yusoff sebagai Setiausaha Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.

Perasmian telah diadakan di Dewan Serbaguna Kompleks Muzium Pulau Pinang. Dato' Hajj Mohd Ismail bin Yusoff telah menyampaikan ucapan selamat datang kepada semua tetamu yang hadir. Beliau juga telah menyerahkan sijil penghargaan kepada Dato' Haji Mohd Husein bin Yusoff sebagai Setiausaha Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.

MCHD, Samsudin bersempaan dengan perasmian projek.

S&H bersempaan dengan perasmian projek.

WATAPA usahawan asnaf yang hadir.

19 - 31 Julai 2016 **Semasa**

Rumah baru, hadiah paling bermakna sempena 1 Syawal - Zulkifli

DAUD, WAHID KAMILI
Ketua Bahagian Pengurusan Persekitaran Kualiti Asnaf & Ekonomi ZPP

BATU MAUNG - Huzefa Halim Abdul Aziz, Pengarah Agensi, Perumahan dan Harta Negeri, telah menyerahkan hadiah kepada Zulkifli Abdullah, Nelayan Ikan di Batu Maung, sempena 1 Syawal.

Huzefa Halim Abdul Aziz, Pengarah Agensi, Perumahan dan Harta Negeri, telah menyerahkan hadiah kepada Zulkifli Abdullah, Nelayan Ikan di Batu Maung, sempena 1 Syawal.

Huzefa Halim Abdul Aziz, Pengarah Agensi, Perumahan dan Harta Negeri, telah menyerahkan hadiah kepada Zulkifli Abdullah, Nelayan Ikan di Batu Maung, sempena 1 Syawal.

ABDUL, Huzefa Halim menyerahkan hadiah kepada Zulkifli Abdullah.

ZULKIFLI, Huzefa Halim menyerahkan hadiah kepada Zulkifli Abdullah.

ABDUL, Huzefa Halim menyerahkan hadiah kepada Zulkifli Abdullah.

in the store

play

ANG!!

ZAKAT TOUCH

04 - 549 8088

1 300 88 8808

zakatpenang



Anak 13 Tahun Sara Keluarga

Alhamdulillah Team Peduli Asnaf ZPP telah sampai ke lokasi keluarga kurang bernasib baik yang menjadi viral di 'whatsapp'. Ayah anak-anak ini dilaporkan tidak dapat bekerja selepas terbabat dalam kemalangan sejak 4 bulan lalu. Tiga daripada empat anaknya tidak dapat bersekolah lagi. Bantuan bulanan yang sesuai buat keluarga ini turut diaturkan. Terima kasih kepada insan-insan yang menyampaikan maklumat keluarga ini kepada kami.



Adik Naufal Ar-Rizqullah

ZPP telah dapat menghubungi En. Rozaimie, ayah kepada adik Naufal Ar-Rizqullah. Beliau berusia 7 bulan, mengidap sejenis penyakit di bahagian hati. Buat masa ini adik Naufal masih di wad Pusat Perubatan Universiti Malaya. Dari perbualan, keluarga ini menghadapi beban kos ulang alik rawatan untuk anak mereka. Bantuan sesuai dari wang zakat pembayar di ZPP akan diaturkan buat keluarga En. Rozaimie. Moga Allah memberi kesembuhan buat adik Naufal. Kepada Allah jualah kita memohon pertolongan.

Adik Muhammad Khalil

Adik Muhammad Khalil Noorsauful Amir ditemani ayahnya ke Ibu Pejabat Zakat Pulau Pinang, Bandar Perda. Adik Muhammad Khalil disahkan mengalami bengkok jantung dan memerlukan RM50,000 untuk menjalani pembedahan segera. InsyaAllah, bantuan yang sesuai dari wang pembayar-pembayar di Zakat Pulau Pinang sedang diaturkan. Ayuh sama-sama kita doakan moga Allah memberi kesembuhan buat adik Muhammad Khalil.



Adik Muhammad Ezz Aydan

Team Peduli Asnaf ke wad ICU kanak-kanak, Hospital Pulau Pinang untuk mengaturkan bantuan yang sesuai untuk keluarga adik Muhammad Ezz Aydan yang diberitakan mengidap jantung berlubang serta paru-paru dijangkiti kuman. Beliau perlu menjalani pembedahan yang dianggarkan bernilai RM70k. Melihat senyumannya pada kami, dengan mata yang berair, mungkin baru lepas menangis, membuat kami begitu tersentuh mengingatkan anak-anak di rumah. Moga Allah Yang Maha Pengasih memberikan kesembuhan buatnya



Lawatan Ilmiah UiTM Kelantan ke ZPP

Zakat Pulau Pinang menerima kunjungan daripada pelajar dan pensyarah UiTM cawangan Machang, Kelantan. Dalam lawatan tersebut mereka telah diberi taklimat dan penerangan berkenaan pengurusan zakat di Pulau Pinang. Semoga dengan lawatan ini dapat memberi maklumat serta pendedahan kepada para pelajar dan pensyarah berkaitan program-program agihan dan kutipan zakat di Negeri Pulau Pinang.



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA



Bukit Mertajam

9



KEDAI TINTED KERETA
zakat
Tint



ZAKAT
PROJECT



Zakat Tint

Zakat Pulau Pinang sentiasa berusaha mempelbagaikan kemahiran kepada asnaf. Kali ini Zakat Pulau Pinang mencuba idea baru melalui penubuhan Zakat Tint (Kedai Tinted Kereta). Penduduk Pulau Pinang terutamanya pembayar zakat diseru agar sama-sama memberi sokongan kepada asnaf yang terlibat dengan berkunjung ke premis ini sekiranya memerlukan khidmat pemasangan tinted kenderaan ataupun bangunan. Zakat Tint terletak di hadapan Kolej Komuniti Bukit Mertajam dan telah beroperasi beberapa bulan yang lalu. Semoga dengan usaha ini mampu memberi kejayaan kepada ZPP melalui pengagihan wang zakat dalam bentuk bengkel kemahiran.



Hijrah ^{First Class}

Sebuah program bual bicara anjuran bersama Zakat Pulau Pinang dan Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Utara telah berlangsung di Masjid Abdullah Fahim.

Program bual bicara yang bertajuk Hijrah 'First Class' tersebut dijayakan oleh beberapa panel jemputan iaitu Ustaz Ahmad Husam Dato' Sheikh Baderuddin, Saudara Zul Yahya dan Saudara Salehuddin @ Tai, manakala moderatornya pula ialah Ustaz Fawwaz Md Jan dari Zakat Pulau Pinang sendiri.

Semoga program sebegini mengundang rahmat Allah buat kita semua serta seluruh penduduk Pulau Pinang. Berzakat di Zakat Pulau Pinang demi kelangsungan asnaf.

Zakat Penang Juara Berkat Cup 2016

Syabas dan tahniah diatas kejayaan Zakat Pulau Pinang merangkul kejuaraan kali ke-4 dalam Kejohanan Bola Sepak Berkat Cup Kali ke-6 yang bertempak di Johor Bahru pada 11 & 12 November 2016 yang lepas. Alhamdulillah, berdasarkan rekod kejuaraan kejohanan, ZPP telah berjaya menjulang piala pusingan pada tahun 2003, 2006 dan 2009.

Kejohanan dwi tahunan ini menghimpunkan kesemua Agensi Mengurus Zakat (AMZ) di seluruh Malaysia. Untuk kejohanan kali ini, sebanyak 12 agensi yang mewakili negeri masing-masing mengambil bahagian bagi merebut kejuaraan dan piala pusingan. Dalam perlawanan akhir, ZPP berjaya menewaskan Majlis Agama Islam Perlis (MAIPs) dengan penentuan kemenangan melalui sepakan penalti. Semoga dengan adanya sukan seperti ini dapat mengeratkan hubungan silaturahmi diantara AMZ di Malaysia.



Jabatan Kutipan Dan Pemasaran



Jabatan Agihan & Pembangunan Masyarakat



Analisa

ANALISA KUTIPAN ZAKAT DARI 1 JANUARI 2016 - 15 DISEMBER 2016

JENIS ZAKAT

JUMLAH (RM)

ZAKAT PENDAPATAN	RM 47,291,186.00
ZAKAT PERNIAGAAN	RM 16,901,367.00
ZAKAT WANG SIMPANAN	RM 8,071,227.00
ZAKAT SAHAM	RM 329,903.00
ZAKAT KWSP	RM 2,029,655.00
ZAKAT EMAS	RM 770,267.00
ZAKAT PERAK	RM 3,178.00
QADHA ZAKAT	RM 161,884.00
ZAKAT HARTA	RM 2,578,192.00
ZAKAT TANAMAN	RM 373,288.00
ZAKAT TERNAKAN	RM 7,400.00

ANALISA AGIHAN ZAKAT DARI 1 JANUARI 2016 - 15 DISEMBER 2016

JENIS ASNAF

JUMLAH (RM)

FAKIR	RM 5,943,429.00
MISKIN	RM 44,254,729.00
MUALLAF	RM 2,003,665.00
GHORIMIN	RM 1,999,573.00
IBNU SABIL	RM 291,605.00
FISABILILLAH	RM 24,260,263.00



26 OKTOBER 2016

BANK RAKYAT

Zakat Perniagaan
bagi haul 2015

RM1,064,774.00

Diserahkan oleh Ketua Setiausaha
Kementerian Perdagangan Dalam
Negeri, Koperasi dan
Kepenggunaan, Datuk Seri Jamil
Salleh mewakili Bank Rakyat



26 OKTOBER 2016

CO-OPBANK PERSATUAN

Zakat Perniagaan
bagi haul 2015

RM198,598.98

Diserahkan oleh Datuk Yusra Sabar,
Pengerusi Anggota Lembaga
Co-Opbank Persatuan Malaysia
Berhad



18 JULAI 2016

KOPERASI GURU MELAYU PULAU PINANG

Zakat Perniagaan
bagi haul 2015

RM 5,269.29

Diserahkan oleh Tuan Haji Azalli Haji
Ab Razak, Pengerusi Koperasi Guru
Melayu Pulau Pinang Berhad.



26 OKTOBER 2016

KPJ PENANG

Zakat Perniagaan
bagi haul 2015

RM 255,000.00

Dr. Haji Abdul Aziz Abdul Rahman,
Ketua Pegawai Eksekutif, Hospital
Pakar KPJ Pulau Pinang



19 DISEMBER 2016

CIDB MALAYSIA

Zakat Perniagaan
bagi haul 2015

RM 27,411.00



28 DISEMBER 2016

GOVERNMENT INTEGRATED TELECOMMUNICATIONS NETWORK SENDIRIAN BERHAD (GITN)

Zakat Perniagaan
bagi haul 2015

RM 100,000.00

diserahkan oleh Puan Nor Adni
Ismail, Chief Finance Officer GITN
kepada Ketua Pegawai Eksekutif
ZPP, Dato Haji Azman Abdul Samat.



Jom Zakat

dengan

JomPAY

Layari perbankan internet dan JomPAY sekarang



JomPAY



Perbankan
Internet



Kaunter
ZPP



Potongan
Gaji




KAUNTER PERKHIDMATAN ZAKAT

BUKIT MERTAJAM (IBU PEJABAT)

No. 4, Jalan Perda Selatan,
Bandar Perda,
14000 Bukit Mertajam.
Tel : 04-549 8088
Faks : 04-530 6466

BUTTERWORTH

No. 65, Jalan Selat,
Taman Selat, 12000 Butterworth.
Tel : 04-331 3686
Faks : 04-332 1272

NIBONG TEBAL

No. 40, Jalan Jawi Jaya 1,
Taman Jawi Jaya, 14200 Jawi.
Tel : 04-583 3088
Faks : 04-583 3080

BALIK PULAU

208 D & 208 D-1,
Jalan Sungai Pinnag
11000 Balik Pulau.
Tel : 04-866 0299

KEPALA BATAS

No. 1204, Wisma Syeikh
Abdullah Fahim,
13200 Kepala Batas.
Tel : 04-578 3300

AYER ITAM

d/a. Masjid Negeri
Pulau Pinang,
Jalan Ayer Itam,
11500 Pulau Pinang.
Tel : 04-827 7488

BAYAN BARU

No. 81 Tkt. Bawah,
Persiaran Mahsuri,
1/3 Sunway Tunas,
11900 Bayan Lepas.
Tel : 04-646 9980
Faks : 04-646 9981

GEORGETOWN

No. 34, Lebuhr Buckingham,
10200 Georgetown.
Tel : 04-250 1000
Faks : 04-250 1001